




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 13 OKTOBER 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 4, 11 HINGGA 34)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3,
5 HINGGA 10**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]
TARIKH : 13.10.2008 (ISNIN)
SOALAN : 4

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan bagaimana kadar inflasi naik pada kadar tertinggi sejak 26 tahun iaitu 7.7 peratus pada bulan Jun tidak menjadikan rakyat berpendapatan rendah sebagai mangsa utama kerana kadar tersebut dibuat berdasarkan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang tidak memasukkan barangan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan Perintah Kawalan Harga (Barang-barang Harga Terkawal) 2000 ke dalam 'bakul' pengiraan angkat tunjuk CPI.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah meneliti tren kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2008 di mana bagi bulan Jun meningkat sebanyak 7.7% manakala bagi bulan Julai dan Ogos 2008 masing-masing meningkat sebanyak 8.5%. Tidak dinafikan bahawa kenaikan IHP ini adalah berikutan kesan daripada kenaikan harga runcit diesel dan petrol di pasaran serta kenaikan tarif elektrik yang bermula pada 1 Julai 2008 yang lalu. Kenaikan tersebut juga adalah kesan daripada kenaikan harga komoditi di pasaran antarabangsa. Mengikut *International Grains*

Council, harga Beras Putih Thai 100% Gred B telah meningkat sebanyak 135% sejak awal tahun 2008, melebihi kenaikan dalam komoditi makanan yang lain. Manakala mengikut *FAO Food Index* pula, harga gandum meningkat sebanyak 7% pada tahun 2006 dan lebih daripada 40% pada tahun 2007.

Setelah mengambil kira penurunan harga minyak dunia serta peningkatan kadar inflasi ke tahap lebih tinggi pada bulan Julai 2008, berkuatkuasa pada 25 September 2008, Kerajaan telah mengurangkan harga runcit petrol RON97 sebanyak 10 sen iaitu daripada RM2.55 seliter kepada RM2.45 seliter manakala harga runcit petrol RON92 dikurangkan sebanyak 10 sen iaitu daripada RM2.40 seliter kepada RM2.30 seliter. Pelarasan harga minyak ini juga merupakan pelarasan harga yang kedua dilakukan oleh Kerajaan setelah pelarasan pertama dilakukan pada 23 Ogos 2008 yang lalu. Pelarasan harga runcit petrol tersebut adalah berdasarkan harga pasaran purata bulanan dan subsidi yang dikekalkan pada kadar RM0.30 seliter untuk kedua-dua RON97 dan RON92. Kerajaan juga telah memberi jaminan bahawa harga runcit petrol tidak akan melebihi RM2.70 seliter pada tahun ini. Pada masa yang sama juga, Kerajaan telah mengurangkan harga runcit diesel sebanyak 10 sen seliter, iaitu daripada RM2.50 seliter kepada RM2.40 seliter.

Langkah seperti ini diambil oleh Kerajaan selaras dengan harapan Kerajaan agar pengurangan harga petrol dan diesel ini akan dapat membantu meringankan beban pengguna serta mengurangkan tekanan inflasi, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Keputusan Kerajaan ini juga dibuat berdasarkan perkembangan ekonomi semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada 460 jenis barangan yang ditentukan dalam kumpulan barangan bagi mengira IHP, hanya 14 jenis barangan yang termasuk dalam senarai barang-barang perlu yang dikawal

harganya dan ini mewakili hanya 14.8% daripada wajaran keseluruhan IHP. Manakala daripada Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, sebanyak 21% adalah wajaran bagi barangan kawalan.

Dalam pengiraan IHP ini, Kementerian telah mengambil maklum untuk mengkaji semula item dalam komponen barangan yang diambilkira. "Bakul" ini meliputi kategori barangan berbeza bagi item yang sama; misalnya bagi item minyak masak dan tepung. Minyak masak antaranya terdiri daripada minyak sawit, minyak jagung dan minyak sawit campuran di mana minyak sawit dan minyak sawit campuran sahaja yang dikawal harga. Manakala tepung pula antaranya terdiri daripada tepung gandum kegunaan am, tepung jagung, tepung pulut dan tepung beras dan hanya tepung gandum kegunaan am sahaja dikawal harga. Walaupun begitu, item di dalam setiap bakul sentiasa dikaji semula setiap 6 bulan bagi memastikan komponen barang yang diambilkira dalam pengiraan IHP sentiasa relevan dengan pasaran semasa dan mencerminkan tren pengguna. Kementerian sedang dalam proses perbincangan dengan Jabatan Statistik bagi mengenal pasti kumpulan barangan yang lebih reflektif untuk diambil kira dalam pengiraan IHP. Kajian semula komponen barangan akan dibuat setelah Perbelanjaan Isirumah (*Household Expenditure Survey*) oleh Jabatan Statistik tamat pada tahun 2009.

Namun demikian, Kerajaan dalam proses mengenalpasti cara yang paling efisien untuk mengedarkan barang-barang perlu yang bersubsidi bagi golongan berpendapatan rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)
NO. PERTANYAAN : 11

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah Kolej Komuniti di seluruh negara; dan
- (b) sumbangannya terhadap pembangunan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2008, terdapat 37 buah Kolej Komuniti induk dan 21 buah Kolej Komuniti Cawangan di seluruh negara.

(b) Kolej Komuniti menawarkan peluang pengajian dan latihan kemahiran dalam bidang teknologi, perniagaan dan perkhidmatan industri. Sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat, Kolej Komuniti telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Antara sumbangan Kolej Komuniti terhadap pembangunan negara ialah:-

- i. Melahirkan tenaga kerja mahir melalui penyediaan tempat pengajian kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) dalam pelbagai bidang. Pada sesi pengajian Julai 2008, Kolej Komuniti telah menerima sebanyak 5,972 orang pelajar baharu yang mengikuti 22 program sijil dan 11 program diploma sepenuh masa. Sehingga Julai 2008, jumlah tenaga kerja terlatih yang telah dihasilkan ialah 17,749 orang.
- ii. Melahirkan masyarakat berpengetahuan (*k-Communities*) melalui program pendidikan sepanjang hayat. Program ini dilaksanakan dalam bentuk kursus pendek bertujuan meningkatkan tahap sosio-ekonomi, memberi galakan dan menyemai minat untuk pembelajaran berterusan di kalangan masyarakat serta mempertingkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan melatih semula (*re-skilling*) tenaga kerja di komuniti setempat. Kursus-kursus pendek ini dipilih khusus mengikut kehendak dan keperluan komuniti setempat. Sejak tahun 2002 hingga Mei 2008, sebanyak 276,292 penyertaan kursus-kursus pendek dalam pelbagai bidang telah ditawarkan.
- iii. Kolej Komuniti turut bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Kementerian Kewangan dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dalam memajukan sosio-ekonomi masyarakat melalui pendidikan dan latihan yang relevan dan bermanfaat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj

TARIKH: 13 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan-cadangan spesifik untuk mengendalikan masalah kerja untuk pekerja-pekerja Malaysia apabila berlakunya suatu kegawatan ekonomi.

PR-1213-L16403

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dulu lagi Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah menjalankan fungsinya untuk menjaga kebajikan dan hak-hak pekerja terutamanya apabila berlakunya pemberhentian semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Kegawatan ekonomi menyebabkan perniagaan terjejas dan ini menjurus sesebuah syarikat tersebut untuk mengurangkan pekerja atau terus menutup operasi. Majikan yang ingin menutup operasi atau mengurangkan pekerja, diwajibkan untuk memaklumkan pemberhentian tersebut kepada JTK. Mana-mana majikan yang gagal untuk memaklumkan pemberhentian pekerja 30 hari sebelum tindakan tersebut dilaksanakan melakukan satu kesalahan di bawah Akta Kerja 1955, dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 untuk setiap satu kesalahan.

JTK melalui Skwad Khidmat Cepat (SKC) yang diketuai oleh Pengarah JTK Negeri atau Ketua Pejabat akan melakukan siasatan segera terhadap laporan pemberhentian yang diterima. Semasa siasatan dilakukan, pemeriksaan secara menyeluruh dilakukan bagi memastikan hak-hak pekerja dibela.

Di samping itu, JTK juga membuat pemantauan ke atas majikan-majikan yang menunjukkan tanda-tanda bermasalah seperti kelewatan membayar gaji, mengurangkan kerja lebih masa, mengurangkan hari dan tempoh bekerja. Pihak JTK akan mengadakan perbincangan dengan pihak majikan serta mengemukakan nasihat dan mencadangkan beberapa langkah awal untuk menangani masalah tersebut dan seterusnya memastikan hak-hak pekerja terbela sekiranya tindakan pemberhentian terpaksa dilakukan. Selain daripada itu, sesi taklimat juga diadakan untuk memaklumkan tentang hak-hak pekerja serta memastikan faedah-faedah statutori pekerja dibayar.

Tuan Yang Di Pertua

KSM juga membantu pekerja yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan baru untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mereka kerana kehilangan sumber pendapatan. Pekerja terbabit akan dibantu untuk mendaftarkan diri ke dalam sistem JobsMalaysia dan menguruskan temu duga dengan syarikat-syarikat lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH
(DUNGUN)
TARIKH : 13.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian akan menyediakan peralatan yang secukupnya kepada pelajar-pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan tenaga-tenaga pengajar mengikut nisbah pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan dasar Pendidikan Untuk Semua, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan keperluan pendidikan yang berkualiti dan mencukupi kepada semua murid di negara ini termasuk golongan murid istimewa. Terdapat tiga kategori murid pendidikan khas iaitu murid yang mempunyai **Masalah Penglihatan, Masalah Pendengaran dan Masalah Pembelajaran** yang terdiri daripada *autisme, sindrom down, attention disorder hyperactivity (ADHD), hyperactive* dan disleksia.

Antara kemudahan-kemudahan pembelajaran yang disediakan bagi murid **Masalah Penglihatan** seperti :

- i. Set Komputer
- ii. Perisian berkaitan penglihatan seperti *Duxbury Software* iaitu program *Braille Translator, Open Book* iaitu program komputer untuk membaca buku dan *JAW's software*.

- iii. Peralatan seperti data cetak *Braille*, *CCTV for low vision*.
- iv. Laptop PPSMI, *LCD* dan skrin.
- v. *Thermoform*.
- vi. *Emborser*.

Bagi murid **Masalah Pendengaran**, mereka menggunakan Bahasa Isyarat Komunikasi Keseluruhan iaitu Kod Tangan Bahasa Melayu (*KTBM*) dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Untuk memudahkan dan meningkatkan proses pembelajaran dan pemahaman, setiap murid dibekalkan dengan alat pendengaran individu. Selain itu terdapat juga kemudahan-kemudahan seperti :

- i. Komputer
- ii. Peralatan PPSMI, *Handheld Impedance Audiometer*, *Otoacoustic Emission*, Peralatan *Aurical*, Alatan Makmal Acuan Telinga, Peralatan *Visual Reinforcement Audiometry*, Alatan *Multisensory Lab*, Peralatan *Toy Library*, TV dengan *ASTRO*, *FM Series Group Hearing Aid*.
- iii. Perisian *Dr. Speech Programe* dengan komputer.

Bagi murid **Masalah Pembelajaran** di Program Integrasi di sekolah aliran perdana, KPM telah menyediakan pelbagai program dan insentif untuk meningkatkan keperluan pendidikan. Antaranya adalah murid-murid yang berpotensi dalam akademik, mereka diberi peluang menyertai program inklusif iaitu belajar bersama-sama dengan murid biasa. Selain itu, untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran, nisbah guru dan murid telah diturunkan kepada 1 : 6.5 dan bagi setiap 10 murid akan disediakan seorang Pembantu Pengurusan Murid (*PPM*). Kemudahan-kemudahan prasarana juga turut disediakan seperti :

- i. Bilik air berhampiran kelas.
- ii. Peralatan memasak seperti dapur, mesin basuh, peti sejuk, pinggan mangkuk, gelas dan sebagainya.
- iii. Alatan media lain seperti tv, radio, vcd.

Kerajaan juga telah menyediakan subsidi kepada golongan OKU termasuk murid kurang upaya seperti Elaun Khas Pelajar Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM50.00 sebulan. Elaun tersebut telah ditambah kepada RM150.00 dalam Bajet 2009, Skim Pinjaman Buku Teks, Skim Insuran Takaful Kemalangan Kelompok, pemansuhan yuran peperiksaan, pakaian seragam, pemberian bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Program Susu Sekolah, Rancangan Makanan Tambahan dan sebagainya. Bagi pembantu guru di sekolah berkenaan, kerajaan telah mencadangkan penyediaan bayaran insentif sebanyak RM200 sebulan dalam Bajet 2009.

KPM telah berjaya dalam membantu menyediakan pelbagai kemudahan kepada murid kurang upaya atau berkeperluan khas ini. Sesungguhnya KPM akan terus berusaha meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan pelajaran untuk kanak-kanak ini.

NW: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]
TARIKH : 13 OKTOBER 2008
SOALAN : 14

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah ketua jabatan di semua agensi dan jabatan di seluruh negara, dan daripada jumlah itu berapa dari kalangan bukan Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 18 Ogos 2008, jumlah keseluruhan Ketua Jabatan di semua agensi dan jabatan di seluruh negara adalah seramai **658** dan daripada bilangan tersebut seramai **61** pegawai adalah bukan bumiputera.

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)

TARIKH : 13 OKTOBER 2008

SOALAN :

TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH KEMENTERIAN BERHASRAT UNTUK MEMBUKA PUSINGAN U DI LEBUHRAYA NEW EXPRESSWAY (NPE) BERHAMPIRAN TOL TAMAN MEDAN SEBAGAIMANA YANG DIMINTA OLEH PENDUDUK SETEMPAT YANG

MANA INI AKAN DAPAT MENGELAKKAN KESESAKAN
LALU LINTAS DI TAMAN DATO HARUN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI BERTHORMAT, KERAJAAN AMAT PRIHATIN DENGAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK TAMAN MEDAN BERHUBUNG PERMINTAAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PUSINGAN U DI LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE) BERHAMPIRAN PLAZA TOL TAMAN MEDAN.

PIHAK LLM TELAH MENYEDIAKAN REKABENTUK BAGI PEMBINAAN PUSINGAN U DI HADAPAN PLAZA TOL DI PJS 2 (TAMAN MEDAN) LEBUHRAYA BARU PANTAI SECARA 'AT-GRADE'. CADANGAN REKABENTUK INI TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) UNTUK PANDANGAN. MBPJ DALAM RESPONNYA TELAH MEMAKLUMKAN BAHAWA CADANGAN REKABENTUK PUSINGAN U TERSEBUT TIDAK SESUAI KERANA MASALAH KESELAMATAN DAN KESEMPITAN RUANG KERANA TERLETAK

BERSEBELAHAN LALUAN LANDASAN KERETAPI TANAH MELAYU DAN BANYAK UTILITI SEDIA ADA SEPERTI PAIP AIR DAN KABEL-KABEL BAWAH TANAH.

BERDASARKAN KEPADA PANDANGAN MBPJ TERSEBUT DAN PEMERHATIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PARA JURUTERA LLM DI TAPAK, KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA CADANGAN UNTUK MEMBINA PUSINGAN U SEBELUM PLAZA TOL PJS 2 ARAH TIMUR (TAMAN MEDAN) TERSEBUT ADALAH TIDAK SESUAI DIWUJUDKAN.

WALAU BAGAIMANAPUN, INGIN DIMAKLUMKAN BAHAWA PIHAK KEMENTERIAN KERJA RAYA / LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA SEDANG MENJALANKAN RUNDINGAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI BERHUBUNG CADANGAN PENGURANGAN KADAR TOL. JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG DILANTIK SEDANG DI DALAM PERINGKAT AKHIR KAJIAN. HASIL DARIPADA KAJIAN TERSEBUT AKAN DIBINCANGKAN DI

DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI UNTUK
MENDAPATKAN KELULUSAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]
TARIKH : 13.10.2008 (ISNIN)
SOALAN : 16

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi minyak kepada feri-feri penumpang dan bot-bot kargo yang berulang-alik antara pulau-pulau seperti Langkawi, Labuan, Pangkor dan Tioman ke Tanah Besar di Malaysia supaya tambang terus stabil dan tidak dinaikkan; dan
- (b) jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan subsidi diesel kepada pengusaha feri dan bot penumpang di pulau-pulau utama di Malaysia seperti Pulau Labuan, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Ketam, Pulau Tioman dan Pulau Redang berkuatkuasa mulai 21 Ogos 2008. Sebanyak 92 buah feri/bot penumpang telah dikenalpasti layak untuk mendapatkan subsidi diesel

ini. Kadar subsidi diesel yang ditetapkan adalah 50 sen daripada harga komersial. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini adalah bagi membantu pengusaha feri/bot penumpang mengurangkan beban kenaikan kos operasi berikutan daripada peningkatan harga diesel. Malahan kadar tambang bagi perkhidmatan ini dikawal oleh Kerajaan.

Pengusaha feri dan bot penumpang terbabit bolehlah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mendapatkan subsidi diesel ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)**

TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara jelas dan terperinci langkah-langkah spesifik dan pendekatan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah projek rumah terbengkalai di seluruh negara dan berapakah projek yang telah diselamatkan di Negeri Sembilan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pemulihan projek perumahan terbengkalai ini sangat kompleks dan memakan masa yang lama disebabkan oleh isu perundangan, kewangan dan teknikal. Oleh demikian, tanpa menjejaskan hak mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan dari segi undang-undang, Kementerian memainkan peranan utama sebagai pemudahcara/fasilitator dengan menyelaraskan mesyuarat, perbincangan dan rundingan bersama semua pihak yang terbabit seperti pemaju, tuan tanah, pembeli, pembiaya atau juruperunding bagi mencapai satu persetujuan bersama berasaskan prinsip "*win-win situation*".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi negeri Sembilan, daripada tahun 1990 sehingga Jun 2008, terdapat

sejumlah 9 projek telah siap dipulihkan dengan Sijil Layak Menduduki manakala 4 projek lagi sedang dalam pembinaan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT KEDUA BELAS MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : Jawab Lisan
DARIPADA : Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa
[Parit Buntar]
TARIKH : 13 Oktober 2008

SOALAN : Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kelemahan yang dikenalpasti oleh pihak berkuasa EU (Kesatuan Eropah) apabila Eu membatalkan import ikan tempatan dan makanan laut baru-baru ini dan berapakah kerugian akibat daripada pembatasan tersebut.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Pada 8 hingga 18 April 2008, satu pasukan *Food and Veterinary Office (FVO)* dari *EU* telah datang ke Malaysia untuk membuat pengauditan ke atas *CAs* yang bertanggungjawab kepada

pengawasan pengeluaran ikan dan hasil ikan disepanjang rantai pengeluaran. Tujuan misi pemeriksaan ini adalah untuk menilai kemampuan dan keupayaan CAs dapat menjamin ikan dan hasil ikan yang dieksport mematuhi keperluan *EU*.

Pihak EU telah pun memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa mereka telah bersedia untuk mengaudit semula pihak CAs dan industri perikanan di negara ini dari 14 hingga 23 hb Oktober 2008 tetapi pihak Kementerian Kesihatan telah memohon penangguhan ke Bulan Januari 2009 kerana terdapat data beberapa parameter yang belum mencukupi lagi iaitu *Stilbenes*, *Streoids*, *Parasites*, *Phosphates*.

Pihak CAs telah mengenalpasti 6 kilang pemprosesan dan 11 ladang akuakultur yang menjalankan operasi memenuhi kehendak EU. Pemantauan rapi ke atas operasi 17 premis ini sedang giat dilakukan.

Langkah ini perlu diambil kerana pihak CAs ingin memastikan bahawa Malaysia dapat memenuhi kesemua teguran pihak EU dipenuhi sepenuhnya sebelum mereka datang semula. Kegagalan pematuhan akan mengakibatkan sekatan eksport malaysia ke EU dilanjutkan sehingga 2010.

Profil Industri

Ikan dan hasilan ikan adalah merupakan salah satu eksport utama Malaysia ke *EU*. Malaysia telah mengeksport ikan dan hasilan ikan ke Eropah sejak tahun 60an lagi. Pada tahun 2006 jumlah eksport hasilan ikan yang terdiri dari *cephalopods* dan udang beku adalah 31,000 tan bernilai RM 1.2 bilion dan pada tahun 2007 nilai eksport telah meningkat kepada RM1.5 billion. Manakala eksport ikan hiasan pada tahun 2005 berjumlah 35.6 juta ekor bernilai RM 29.3 juta dan telah meningkat kepada 127 juta ekor dengan nilai RM 105.5 juta pada tahun 2007.

Eksport Produk Perikanan Negara

	Produk Makanan (RM)	Ikan Hiasan (RM)
EU	630,384,805 (25.9%)	6,568,318 (6.9%)
Amerika Sykt	627,404,960	7,184,988
Thailand	72,849,108	1,889,974
Singapura	321,893,994	17,605,296

Jumlah eksport keseluruhan 2007

Produk makanan	:	RM 2,433,002,000
Ikan Hiasan	:	RM 95,334,000

Kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti oleh pihak *Food and Veterinary Office (FVO)* semasa misi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Akta dan Peraturan di bawah Kementerian Kesihatan, Jabatan Perikanan dan LKIM yang diguna pakai untuk menjamin kawalan eksport ikan dan hasilan ikan ke *EU* adalah tidak setara (*equivalent*) dengan peraturan *EU*;
- (ii) pengetahuan pegawai yang bertanggungjawab dalam pengeluaran sijil kesihatan dan pegawai yang menjalankan *official control* di sepanjang rangkaian pengeluaran ikan dan hasilan ikan terhadap keperluan *EU* tidak mencukupi;
- (iii) *official controls* dan pengawasan sepanjang rangkaian makanan (vesel perikanan, ladang ternakan, tempat pendaratan, orang tengah (sebagai pengangkut) dan premis pemprosesan) tidak dibuat berdasarkan keperluan *EU*. Didapati tahap pemeriksaan (*bench mark*) pihak *FVO* adalah sangat tinggi;
- (iv) kegagalan **CA** mengenal pasti ketidakpatuhan berdasarkan keperluan peraturan *EU* misalnya 2 vesel perikanan daripada 3 yang diperiksa tidak mematuhi keperluan *EU* iaitu dari segi kebersihan vesel dan kemudahan asas;

- (v) 6 daripada 9 buah premis pemprosesan yang di periksa didapati tidak mematuhi keperluan *EU* dari segi rantai sejuk (*cold chain*), infrastruktur, peralatan, kebersihan dan penyelenggaraan;
- (vi) masalah kebolehesanan (*traceability*) sepanjang rantai makanan dari vesel perikanan, ladang akuakultur hingga ke premis pemprosesan/pusat pengumpulan melalui orang tengah;
- (vii) beberapa parameter untuk keselamatan makanan dan penyakit ikan tidak dipantau dan dianalisis seperti *Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAHs)*, *Total Volatile Basic Nitrogen (TVB-N)*, *Trimethyl Amine Nitrogen (TMA-N)*, stanum, dioksin, *Poly Chlorinated Biphenyl (PCBs)*, parasit, toksin, bahan aditif dan virus;
- (viii) ais yang digunakan untuk menyejukkan ikan mesti mempunyai standard yang sama seperti ais untuk *human consumption* berdasarkan kepada keperluan *EU*. Didapati ais yang dibekalkan kepada vesel perikanan, tempat pendaratan ikan dan orang tengah (sebagai pengangkut) adalah kebanyakannya daripada kilang ais yang tidak mematuhi keperluan *EU*;

- (ix) kebanyakan kenderaan yang mengangkut bahan mentah milik oleh orang tengah (sebagai pengangkut) didapati tidak mematuhi keperluan *EU*;
- (x) makmal di bawah Jabatan Perikanan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia tidak mempunyai keupayaan bagi menjalankan analisis ke atas beberapa parameter mengikut keperluan *EU* seperti histamin, indeks kesegaran, kawalan parasit dan toksin serta tiada akreditasi bagi beberapa parameter analisis tertentu; dan
- (xi) bagi ikan hiasan, pendaftaran ladang, pengawasan dan pemantauan kesihatan ikan, pengenalpastian zon bebas penyakit, rekod penyaringan penyakit, kematian ikan, pendaftaran keluar dan masuk, pelupusan dan rekod rawatan perlu dilaksanakan dan disediakan.

Kerugian

Penggantungan import ikan dan hasil ikan dari Malaysia membawa kepada kehilangan pasaran bagi ikan dan hasil ikan ke *EU* bernilai RM600 juta bagi hasil ikan dan RM106 juta bagi ikan hiasan setahun.

Kerajaan telah menyediakan Skim Pinjaman Mudah dengan dana sebanyak RM 500 juta bagi membantu pengusaha/syarikat yang mengalami kerugian akibat sekatan eksport ke *EU*. Sebanyak 5 buah syarikat telah memohon pinjaman melalui Agrobank bernilai RM 70 juta.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : ISNIN, 13 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 04

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan bantahan yang diterima Draf Pelan Bandaraya KL2020 dan undang-undang (*legality*) untuknya. Bagaimana beliau dapat mempertahankan dasar pertambahan 600,000 atau lebih penduduk KL dan kemudahan-kemudahan termasuk tempat letak kereta dan pengangkutan awam yang sesuai dengan bandar raya bertaman tropika bertaraf dunia lagi bercahaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 adalah draf pelan tempatan yang telah disediakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut peruntukan seksyen 13(2) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982. Mengikut peruntukan seksyen 14 akta yang sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mewartakan penyediaan draf pelan ini pada 15 Mei 2008 dan menjemput orang awam untuk mengemukakan pandangan bantahan mengenainya secara bertulis. Apabila tempoh yang diberikan berakhir pada 31 Ogos 2008, sejumlah **5,147** pandangan awam atau bantahan telah diterima.

Pertambahan 600,000 orang penduduk menjelang tahun 2020 bukanlah dicadangkan dari Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. Perkara ini timbul daripada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang diwartakan pemakaiannya pada November 2004 dan telah mensasarkan bahawa pada tahun 2020 Kuala Lumpur akan mempunyai penduduk seramai 2.2 juta orang dengan 1.4 juta pekerjaan. Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 hanya menterjemahkan sasaran penduduk yang ditetapkan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Berdasarkan anggaran jumlah penduduk Kuala Lumpur seramai 1.6 juta pada tahun

2005, bandaraya ini perlu menambah sejumlah 0.6 juta penduduk dalam tempoh 15 tahun untuk mencapai sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

Pertambahan penduduk sejumlah 0.6 juta tersebut sememangnya boleh dipertahankan kerana keseluruhan kandungan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 dirumuskan untuk mencapai sasaran tersebut. Pelan ini mencadangkan unit kediaman dan ruang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung keperluan 2.2 juta penduduk dan 1.4 juta pekerjaan. Pelan ini juga mencadangkan tambahan 11 laluan rel yang baru serta laluan khas bas untuk meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan. Di samping itu, pelan ini juga menggalakkan pembangunan di 14 pusat daerah yang mana akan dapat mengurangkan keperluan pergerakan trafik ke pusat bandaraya.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)

**SOALAN : Y.B DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR) minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

Tindakan Kementerian untuk memastikan hasil pertanian dan ternakan tidak terganggu akibat kenaikan harga baja serta makanan ternakan yang melambung tinggi dan sama ada Kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan penggunaan baja alternatif.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga input pertanian seperti baja dan racun adalah disebabkan oleh kenaikan harga petroleum pasaran dunia. Petroleum adalah bahan asas bagi pengeluaran baja kimia. Harga baja di pasaran

tempatan juga telah meningkatkan antara **26% hingga 125%** seperti harga baja sebatian 15:15:15 telah meningkat daripada RM868/tan pada tahun 2003 kepada RM1,954/tan pada tahun 2008.

Sementara harga racun pula telah meningkat antara **44% hingga 97%**. Sebagai contoh, harga racun serangga perosak Malathion telah meningkat daripada RM96/4liter pada tahun 2003 kepada RM180/4liter pada tahun 2008. Keadaan ini telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat sebanyak 44% bagi buah-buahan dan 55% bagi sayur-sayuran bagi tempoh tersebut.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kos input pertanian. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :-

(i) Menggalakkan pengeluaran input pertanian dalam negara dengan penyediaan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pemprosesan sisa buangan dan produk sampingan pertanian, tanaman untuk makanan ternakan serta ubat dan makanan ternakan;

(ii) Menggalakkan penggunaan baja organik disamping penggunaan baja kimia. Penggunaan baja organik dapat memperbaiki struktur dan keupayaan tanah dalam tempoh jangka panjang. Di samping itu, pengusaha juga digalakkan untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa tanaman seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit;

(iii) Menggalakkan pengusaha mempraktikkan kaedah Pengurusan

Perosak Bersepadu (*Integrated pest Management*) bagi mengurangkan kos racun perosak. Kaedah IPM menumpukan kepada cara dan teknik kawalan semulajadi untuk merendahkan populasi perosak.

(iv) Mempergiatkan pengeluaran tanaman melalui pertanian *precise* menggunakan kaedah fertigasi di bawah pelindung hujan. Kaedah ini dapat menjimatkan baja dan racun perosak di samping memberi hasil pengeluaran yang tinggi;

(v) Mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang teknologi Pengurusan Baja iaitu dengan menggunakan baja secara tetap berdasarkan kepada peringkat pertumbuhan tanaman dan penggunaan baja yang murah iaitu menggunakan baja yang murah iaitu menggunakan baja asas seperti *Triple Super Phosphate, Muriate of Potash* dan urea; dan

(vi) Pelaksanaan Program Input Pertanian Bersepadu di antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negara dan Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membekalkan input pertanian yang berkualiti pada harga yang kompetitif kepada ahlinya.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan petani untuk menggunakan baja organik. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Pertanian dalam membangunkan penggunaan baja organik:

i) Mewujudkan standard untuk Skim Organik Malaysia (SOM) yang telah dilancarkan pada tahun 2003. Di dalam skim ini, sistem pengeluaran disyarat mengelakkan penggunaan baja dan racun perosak kimia/sintetik. Selain daripada itu, pengusaha wajib mengambil langkah-langkah untuk melindungi alam sekitar dan memelihara biodiversiti. Baja

organik termasuk kompos, najis haiwan (kecuali najis khinzir), sisa tanaman, tanaman kekacang dan green manure digunakan bagi meningkatkan kesuburan tanah dan sebagai baja kepada tanaman;

ii) Memperkenalkan kaedah Natural Farming menggunakan IMO "*indigenous micro-organism*" kepada petani sejak tahun 2001. Teknologi ini menggunakan bahan sisa ladang, sisa haiwan dan mikrob untuk menghasilkan baja *Natural Farming*;

iii) Teknologi menggunakan cacing (*vermicompost*) juga telah diperkenalkan kepada petani. Vermikompos adalah bahan organik hasil daripada proses atau aktiviti mikrobial dan cacing tanah ke atas bahan organik mentah seperti sisa pertanian; dan

iv) Mewujudkan Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM). Skim SALM adalah usaha untuk menggalakan Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practices*) dikalangan pengusaha pertanian dengan matlamat mengeluarkan produk pertanian yang berkualiti, selamat dimakan disamping melindungi alam sekitar dan memelihara biodiversiti. Dalam SALM petani boleh menggunakan gabungan baja kimia dan baja organik dengan syarat penggunaan baja kimia tidak menjejaskan alam sekitar dan sekaligus menggalakan penggunaan baja organik.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 13.10.2008

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah unit kereta, mengikut pecahan model dan nilai pasaran, yang telah dijual oleh PROTON sejak Jun 2005 hingga Jun 2008 dan banyak manakah inventori yang dipegang secara purata setiap bulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah jualan kereta PROTON mengikut pecahan model dan nilai pasaran (secara purata) bagi tempoh Jun 2005 hingga Jun 2008 adalah seperti berikut:

Model	Purata Harga Kereta Seunit (RM)	Jumlah Jualan Kereta (Unit)
Gen.2	52,896	53,279
Saga lama (Iswara)	32,973	102,993
Saga baru	36,398	27,531
Satria Neo	48,425	12,017
Perdana	101,500	8,006
Persona	52,400	40,261
Savvy	41,599	23,973

Model	Purata Harga Kereta Seunit (RM)	Jumlah Jualan Kereta (Unit)
Waja	60,782	64,876
Wira	46,892	74,776
Arena	37,325	1,036
Satria	45,303	804
Juara	50,524	335
JUMLAH		409,887

*Sumber: *Malaysian Automotive Association (MAA)*

2. Secara purata jumlah inventori atau stok kereta di seluruh rangkaian PROTON termasuk stok pengedar adalah sebanyak 11,000 unit yang bersamaan dengan jumlah jualan untuk tempoh tiga minggu. Jumlah ini adalah pada tahap yang biasa diamalkan oleh kebanyakan syarikat pembuat kereta lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT KEDUA BELAS MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Liang Teck Meng
[Simpang Renggam]
TARIKH : 13 Oktober 2008

SOALAN : Y.B. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Kerajaan memberi subsidi minyak diesel kepada penternak ikan hiasan untuk menjana kuasa elektrik memandangkan industri ini merupakan salah satu industri yang dititik-beratkan dalam RMK9

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga minyak telah memberi kesan secara langsung kepada kenaikan kos input pertanian termasuk industri akuakultur dan industri ikan hiasan secara khususnya. Peningkatan harga minyak telah meningkatkan kos

pengeluaran untuk aktiviti akuakultur diantara 69 peratus hingga 75 peratus mengikut sistem dan spesis ternakan.

Buat masa ini, pihak kerajaan tidak memberi sebarang subsidi minyak diesel kepada penternak ikan hiasan. Walaubagaimanapun, **pihak MOA sedang menyediakan kertas kabinet** untuk memohon subsidi (termasuk subsidi bahan bakar dan elektrik) untuk membantu meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha pertanian (termasuk pengusaha akuakultur) ekoran kenaikan kos input pertanian.

Sukacita dimaklumkan, pengusaha industri ikan hiasan kini mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dari segi laluan pasaran dan promosi produk ikan hiasan Negara di peringkat antarabangsa melalui misi perdagangan dan promosi ikan hiasan ke ekspo Interzoo di Nuremberg, Jerman, ExpoZoo, Paris dan Aquarama, Singapura, disamping penganjuran Pameran dan Persidangan Ikan Hiasan Antarabangsa (AQUAFAIR) di Negara ini yang diadakan setiap 2 tahun sekali. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia juga memberi bantuan peralatan (pinjaman) kepada penternak ikan hiasan di bawah program SPEKS (Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.10.2008

Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana penglibatan syarikat Bumiputera berbanding bukan Bumiputera bersama PROTON dalam menjayakan pengeluaran kereta nasional. Bagaimanakah prestasi PROTON dibandingkan dengan Perodua sejak model Persona dan Saga dilancarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan syarikat Bumiputera dalam komuniti pembekal PROTON agak memberangsangkan di mana setakat Ogos 2008 hampir 37% atau 90 buah syarikat pembekal barangan automotif kepada PROTON merupakan syarikat Bumiputera.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sambutan terhadap kedua-dua model terbaru PROTON iaitu Persona dan Saga adalah sangat memuaskan. Dalam jangka masa 13 bulan, jumlah jualan

model Persona mencecah hampir 50,000 unit, manakala dalam jangka masa 8 bulan, jumlah jualan model Saga telah melebihi 40,000 unit. Sambutan yang memberangsangkan terhadap kedua-dua model kereta PROTON ini telah menyumbang kepada peningkatan pegangan pasaran PROTON daripada 23% pada bulan Januari 2008 kepada 37% pada bulan April 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)
TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) Apakah rancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk memajukan bidang sukan supaya lebih menarik minat golongan belia untuk menyertainya.
- (b) Adakah pihak Kementerian mempunyai peruntukan supaya penyertaan para belia ini dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih membanggakan serta menyerlah.

JAWAPAN

- (a)
 1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Dasar Sukan Negara telah menggariskan Sukan Massa sebagai satu pendekatan untuk menarik minat dan penyertaan orang ramai terutamanya golongan belia. Sukan Massa yang didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti

rekreasi fizikal dan sukan yang berlaku secara spontan atau diuruskan dengan tujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih luas dan bukan semata-mata untuk pertandingan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa telah lama dilaksanakan di peringkat DUN, Parlimen, daerah, negeri dan kebangsaan.

2. Sukan yang melibatkan penyertaan pelbagai latar belakang pendidikan, perbezaan umur, taraf sosio-ekonomi dan bangsa merupakan cabaran yang harus ditangani secara fleksibel dan terarah. Oleh yang demikian senario tersebut telah menyebabkan program Kementerian Belia dan Sukan mengalami perubahan konsep dan strategi yang berbeza dari tahun ke tahun.
3. Salah satu program yang dianjurkan bagi menarik penglibatan belia ialah Sambutan Bulan Kecergasan Kebangsaan 2008 (BKK). Futsal yang kini sinonim dengan golongan belia telah diangkat sebagai salah satu strategi penting untuk menarik penglibatan belia dalam sukan. Ekoran itu, BKK 2008 telah berjaya melibatkan sebanyak 3000 pasukan dengan penyertaan seramai 24,000 peserta sekali gus dinobatkan sebagai Penganjuran Futsal Terbesar oleh *Malaysian Book of Records*.
4. Bagi memastikan penglibatan golongan belia dalam sukan dengan lebih serius lagi, Kementerian melalui MSN telah mengadakan program-program pembangunan atlet untuk mengenal pasti bakat-

bakat baru di peringkat akar umbi. Di antara program-program yang dilaksanakan ialah:

- i. **Program Kenal pasti Bakat** - melibatkan proses *Talent Identifications (T.I.D)* berasaskan kepada morfologi dan fizikal kanak-kanak yang sesuai untuk dibentuk sebagai ahli sukan. Program ini lebih kepada pendekatan penyelidikan yang saintifik dan memerlukan penglibatan pakar-pakar sains sukan dalam menjalankan proses pengenalanpastian bakat tersebut.
 - ii. **Program Cari Juara** - diperkenalkan pada tahun 2006 yang melibatkan proses Talent Scouting di kalangan kanak-kanak berumur 7 – 12 tahun. Program ini menerapkan rasa seronok dan kepuasan di kalangan anak-anak di samping pendedahan kepada kemahiran asas sukan.
5. Selepas melalui proses mengenal pasti bakat tersebut, anak-anak yang berbakat dalam sukan akan diserapkan di bawah Program Pelapis yang dilaksanakan di seluruh negara. Dengan kepakaran jurulatih luar negara dan jurulatih tempatan, atlet-atlet yang berbakat ini akan dapat dilatih sehingga ke peringkat yang cemerlang supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Program Pelapis adalah terdiri daripada :
- i. **Pelapis Kebangsaan** terdiri daripada atlet remaja terbaik negara yang menjalani latihan secara sepenuh masa di pusat latihan kebangsaan di Bukit Jalil, Kompleks Sukan Keramat, Pulau Pinang dan Langkawi.

- ii. **Pelapis Serantau** pula terdiri dari atlet-atlet remaja yang berada di dalam ranking kebangsaan akan meneruskan latihan mereka di akademi dan pusat latihan serantau yang ditubuhkan di Kompleks Sukan Seberang Perai, Pulau Pinang (Zon Utara), Stadium Tan Sri Hj. Hasan Yunus, Johor (Zon Selatan), Pusat Latihan Spesifik sukan berbasikal (Ipoh dan Dungun) dan Gimnastik (Sekolah Sukan Bandar Penawar).
 - iii. **Pelapis Negeri** akan menumpukan perhatian kepada pembentukan kemahiran sukan spesifik bagi atlet-atlet berumur 13-21 tahun di peringkat negeri. Atlet-atlet remaja terbaik negeri akan diberi peluang untuk menjalani latihan secara sambilan di pusat-pusat latihan yang ditubuhkan dan diberi pendedahan latihan yang sistematik sepanjang tahun di samping peluang pertandingan yang lebih banyak.
6. Diharapkan dengan program yang telah dirangka oleh Kementerian ini akan dapat menarik minat lebih ramai golongan belia untuk menyertai bidang sukan seterusnya menjadikan ia sebagai suatu kerjaya.

(b)

1. Pihak Kementerian sememangnya mempunyai peruntukan khusus agar penyertaan para belia ini dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih membanggakan serta menyerlah. Sebagai contoh, pada tahun 2008, pihak Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Sukan telah memperuntukkan sejumlah **RM19,711,070.00** untuk

melaksanakan Sukan Massa dengan 1,391 program yang melibatkan 616,885 penyertaan belia dari seluruh negara.

2. Manakala Kementerian melalui MSN pula mempunyai peruntukan khusus untuk program-program bagi mempertingkatkan penyertaan atlet-atlet remaja ke tahap yang lebih tinggi dan membanggakan. Sebagai contoh pada tahun 2008 bagi Program Kenal pasti Bakat dan Mencari Juara, telah diperuntukkan sejumlah **RM3.2juta** dan Program Pelapis telah diperuntukkan sejumlah **RM48,652,0000** untuk tempoh tahun 2007 -2008.

NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 25 : PR-1213-L15221

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI
MAHMUD

TARIKH : 13 Oktober 2008

SOALAN : Y.B Dr. Siti Mariah binti Mahmud
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan:

Jumlah orang pelarian yang berdaftar
(Refugees dan *Asylum Seekers*)
dengan pejabat Pesuruhjaya Tinggi
Bagi Orang Pelarian Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR)
mengikut negara asal mereka dan
apakah komitmen-komitmen kerajaan
terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dr. Siti Mariah binti Mahmud ke atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Untuk makluman Dewan, setakat ini terdapat seramai 41,405 orang yang berada di bawah perlindungan sementara pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bagi Orang Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) di Kuala Lumpur akan berada di Malaysia sebelum dipindahkan ke negara ketiga. Pecahan mengikut kerakyatan dan negara asal mereka adalah seperti berikut: Myanmar (36,117), Sri Lanka (1,861), Iraq (677), Somalia (571), Thailand (396), Afghanistan (408) dan lain-lain. Walau bagaimanapun, jumlah pelarian sebenar seperti mana yang didefinisikan oleh UNHCR tidak dapat dipastikan sepenuhnya kerana terdapat orang-orang pelarian yang tidak berdaftar.

3. Buat masa ini, pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam isu orang pelarian ialah memberi bantuan dan perlindungan kepada pihak-pihak tertentu yang memerlukannya mengikut kes-kes tertentu (*case by case basis*) atau atas dasar perikemanusiaan. Sehubungan ini, Malaysia telah bekerjasama dengan pihak UNHCR di Kuala Lumpur untuk membantu dalam

hal ehwal penempatan semula orang pelarian sama ada penghantaran semula secara sukarela (*voluntary repatriation*) atau penghantaran semula ke negara-negara ketiga (*third country repatriation*).

4. Seferusnya, *Asylum Seekers* merujuk kepada pencari suaka. Secara konsepnya, suaka membawa maksud seseorang warganegara asing atau pelarian yang mencari perlindungan di sesebuah negara lain daripada ditangkap oleh pemerintah di negaranya sendiri dan dianiaya, atau disiksa atau terlibat dalam konflik bersenjata. Pelarian-pelarian ini akan memasuki negara lain secara sah atau secara haram, untuk mendapatkan perlindungan atau suaka disebabkan ketakutan yang munasabah terhadap penganiayaan politik yang berlaku di negara mereka.

5. Lazimnya suaka akan dirujuk sebagai "suaka politik", kerana kuasa yang memberikan suaka di sesebuah negara yang dipohonnya itu adalah kuasa kerajaan negara tersebut dan bukannya kuasa individu. Bahkan, kebenaran untuk mendapatkan suaka yang diberikan oleh kedutaan-kedutaan negara ketiga juga adalah disifatkan sebagai kuasa politik. Atas dasar ini, perkataan suaka lazimnya disinonimkan sebagai "suaka politik". Untuk makluman, setakat ini Malaysia belum lagi memberikan suaka politik kepada mana-mana individu.

6. Seterusnya, untuk makluman Dewan, penggubalan Arahan Majlis Keselamatan Negara akan dibuat tidak lama lagi bertujuan memberi garis panduan dalam pengurusan bersepadu terhadap orang-orang pelarian.

7. Kerajaan Malaysia akan sentiasa mengambil pendekatan berhemah sebagai komitmen Kerajaan dalam mencari penyelesaian bagi menangani isu orang pelarian di negara ini secara menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Mahfuz bin Omar**
[Pokok Sena]

TARIKH : **13 Oktober 2008 (Isnin)**

SOALAN : **26**

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah tindakan susulan berikutan rasa tidak puas hati Jawatankuasa Kira – Kira Wang Negara (PAC) terhadap penjelasan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) berhubung pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang melibatkan kos terlalu tinggi di mana Pengerusi PAC ketika itu, Datuk Shahrir Abdul Samad menyatakan, bukan sahaja jawapan kepada perbagai persoalan gagal diperolehi malah semakin banyak persoalan yang berbangkit terutama berhubung prosedur kewangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan prosedur kewangan yang disentuh oleh Jawatankuasa Kira – Kira Negara (PAC) mengenai pembangunan *Port Klang Free Zone*, Lembaga Pelabuhan Kelang memang sebelum prosiding PAC diadakan telah mengambil tindakan – tindakan wajar selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan termasuk memperketatkan kawalan kewangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI**
(PASIR MAS)
TARIKH : **13.10.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memilih segera sebuah sekolah di Pasir Mas sebagai sekolah kluster memandangkan di Pasir Mas terdapat sekolah-sekolah yang layak seperti Sek. Keb. Sultan Ibrahim 1 dan Sek Menengah Perempuan Pasir Mas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan pemilihan sekolah kluster berdasarkan kriteria pemilihan seperti berikut;

1. Pengukuran Standard Sekolah

Sekolah mesti mencapai sekurang-kurangnya Taraf Cemerlang (melebihi) 75% berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).

2. Kecemerlangan Kurikulum

2.1 Sekolah Rendah:

- Gred Purata Sekolah (GPS) untuk peperiksaan awam UPSR 3 tahun berturut-turut tidak melebihi 2.0; atau
- Peningkatan dalam peratusan yang lulus peperiksaan; atau
- 80% atau lebih murid lulus semua mata pelajaran.

2.2 Sekolah Menengah:

GPS untuk peperiksaan awam PMR dan SPM bagi 3 tahun berturut-turut tidak melebihi : -

- SBP : GPS 2.5
- SMKA : GPS 3.0
- SMT : GPS 4.0
- SM Harian : GPS 4.0

3. Aspek-aspek berikut turut diteliti bagi memastikan pemilihan sekolah menepati konsep dan kehendak sekolah kluster, iaitu: -

- Kecemerlangan murid dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah;
- Pengurusan sekolah berwawasan dan berkesan;
- Pembangunan sumber terurus dan digunakan secara optimum;
- Pemimpin sekolah mengamalkan kepimpinan berkualiti;
- Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan;
- Keberkesanan pelaksanaan program KPM; dan
- Sekolah berwatak mengikut kebitaraannya.

KPM juga telah menetapkan prosedur pencalonan sebagai sekolah kluster adalah seperti berikut : -

- i. Permohonan oleh sekolah atau pencalonan oleh Bahagian-Bahagian di KPM dan JPN (termasuk sekolah-sekolah yang memenangi anugerah Sekolah Cemerlang serta Sekolah Bestari);
- ii. Penilaian borang permohonan dan pencalonan yang diterima;
- iii. Penilaian dan verifikasi;
- iv. Penetapan standard oleh panel pemilihan sekolah kluster;
- v. Sekolah-sekolah yang dipilih diteliti oleh Panel Penasihat; dan
- vi. Pengesahan dan pengumuman oleh Menteri Pelajaran.

Oleh yang demikian, jika sekolah yang berkaitan mempunyai kelayakan seperti yang digariskan, sekolah tersebut boleh dicadangkan untuk pencalonan sebagai sekolah kluster.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.10.2008

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan cukai 'windfall' yang dikenakan ke atas IPP Pengeluar Tenaga bebas ke atas pasaran kewangan, terutamanya pasaran ekuiti dan bon.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya implikasi penguatkuasaan levi keuntungan luar biasa ke atas penjana tenaga bebas (IPP) dan seterusnya ke atas pasaran bon adalah tidak ketara. Pengenaan levi keuntungan luar biasa ini tidak akan menyebabkan kerugian kepada IPP mahupun kegagalan IPP untuk membayar obligasi faedah bon masing-masing. Berdasarkan jumlah levi yang dikenakan, IPP tetap memperoleh keuntungan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi pinjamannya termasuk pinjaman yang melibatkan terbitan bon.

SOALAN NO. 29

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN P. RAMASAMY A/L
PALANISAMY (Batu Kawan)**

**SOALAN : Minta Menteri Pertanian Dan Industri
Asas Tani menyatakan mengapakah
para nelayan dari masyarakat India
menghadapi kesukaran untuk
mendapatkan lesen dan pinjaman
daripada Kerajaan untuk memajukan
kegiatan dan perusahaan perikanan
mereka terutamanya di negeri Pulau
Pinang.**

**JAWAPAN : Bagi membantu golongan nelayan
khususnya bagi memajukan kegiatan
perikanan mereka, LKIM telah
menyediakan sebanyak 6 jenis**

pinjaman tanpa faedah di bawah Program Dana Nelayan bagi iaitu:

- 1) Skim Pinjaman Industri Nelayan (SPIN)
- 2) Skim Pinjaman Perumahan Nelayan (SPEN)
- 3) Skim Pinjaman Nelayan Komersil (SNEK)
- 4) Skim Pinjaman Enjin Dalam
- 5) Skim Pinjaman Nelayan Pantai
- 6) Transformasi Nelayan

Syarat-syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan Pinjaman Dana Nelayan adalah seperti berikut:

- i) Umur tidak lebih dari 55 tahun
- ii) Berdaftar sebagai ahli Persatuan Nelayan Kawasan
- iii) Memiliki lesen vesel yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan

Setakat ini, LKIM telah meluluskan

Pinjaman Dana Nelayan kepada seramai 13 orang nelayan berbangsa India yang menjadi ahli PNK Teluk Bahang

Sehingga Oktober tahun 2008, nelayan yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Nelayan khususnya di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

PNK	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
Seb. Prai	2,022	751	20	1	2,794
T.Bahang	592	308	37	2	939
P.P. Selatan	1,468	618	5	-	2,091
Ujung Batu	136	-	-	-	136
	4,218	1,677	62	3	5,960

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)
TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)
SOALAN : Y.B DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:

(a) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kenaikan harga baja pertanian yang mendadak tinggi; dan

(b) jumlah subsidi yang telah diberikan dan digunakan oleh petani untuk aktiviti pertanian dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

a) Peningkatan harga input pertanian seperti baja dan racun adalah disebabkan oleh kenaikan harga petroleum yang mana kebanyakan baja adalah berasaskan petroleum. Peningkatan harga input pertanian telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Dalam tempoh 2003 hingga 2007, kos bagi baja sebatian untuk pengeluaran sehektar telah meningkat naik sebanyak 85.5% iaitu daripada RM868/tm kepada RM1,610/tm.

Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan **tidak melaksanakan kawalan harga** ke atas input pertanian seperti baja, racun perosak dan benih kerana penentuan harga input pertanian bergantung kepada faktor-faktor luar seperti pengeluar, pengimport dan bahan mentah penyediaan input tersebut dan ianya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun begitu, pengeluar, pengimport dan pembekal masih lagi tertakluk kepada beberapa akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga 1980, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KDPN & HEP).

Bagi mengatasi masalah kenaikan harga baja, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :-

(i) Menggalakkan pengeluaran input pertanian dalam negara dengan penyediaan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pemprosesan sisa buangan dan

produk sampingan pertanian, tanaman untuk makanan ternakan serta ubat dan makanan ternakan;

(ii) Menggalakkan penggunaan baja organik disamping penggunaan baja kimia. Penggunaan baja organik dapat memperbaiki struktur dan keupayaan tanah dalam tempoh jangka panjang. Di samping itu, pengusaha juga digalakkan untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa tanaman seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit;

(iii) Menggalakkan pengusaha mempraktikkan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated pest Management*) bagi mengurangkan kos racun perosak. Kaedah IPM menumpukan kepada cara dan teknik kawalan semulajadi untuk merendahkan populasi perosak.

(iv) Mempertingkatkan pengeluaran tanaman melalui pertanian *precise* menggunakan kaedah fertigasi di bawah pelindung hujan. Kaedah ini dapat menjimatkan baja dan racun perosak di samping memberi hasil pengeluaran yang tinggi;

(v) Mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang teknologi Pengurusan Baja iaitu dengan menggunakan baja secara tetap berdasarkan kepada peringkat pertumbuhan tanaman dan penggunaan baja yang murah iaitu menggunakan baja yang murah iaitu menggunakan baja asas seperti *Triple Super Phosphate*, *Muriate of Potash* dan urea; dan

(vi) Pelaksanaan Program Input Pertanian Bersepadu di antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negara dan Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membekalkan input pertanian yang berkualiti pada harga yang kompetitif kepada ahlinya.

(b) Subsidi yang disediakan oleh Kerajaan untuk aktiviti pertanian hanya melibatkan tanaman padi iaitu bagi subsidi baja padi dan subsidi harga padi. Jumlah subsidi yang telah diberikan dan digunakan oleh petani dari tahun 2004 sehingga Jun 2008 adalah seperti berikut:

Jenis Subsidi	Jumlah Subsidi yang diberi			
	Tahun 2004	2005	2006	2007
Subsidi Baja Padi	186,744,866.91	178,072,073.33	396,393,001.45	261,677,743.30
Subsidi Harga Padi	448,000,000.00	448,000,000.00	445,000,000.00	488,000,000.00
Subsidi Diesel	1,129,865,300	1,374,276,000	989,727,418	1,099,000,723
Subsidi Petrol	-	-	45,413,959 (Bermula pada bulan Jun - Disember 2006)	69,461,384
JUMLAH	1,764,610,166.91	2,000,348,073.33	1,876,534,378.45	1,918,139,850.30

Peruntukan bagi tahun 2008 untuk subsidi baja padi adalah sebanyak 255,060,000.00 dan subsidi harga padi adalah sebanyak RM448,000,000.00

Peruntukan subsidi diesel dan petrol yang diperuntukkan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM500,537,530.2 iitu RM468,056,691 bagi diesel dan RM32,480,839.2 bagi petrol. Subsidi petrol hanya disediakan untuk vesel berjentera sangkut sahaja dan setiap vesel hanya layak menerima satu kad pintar sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 1283

SOALAN :

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana kamera (CCTV) yang
dipasang di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan tempat-tempat
tertentu di seluruh negara dapat membantu pihak berkuasa
mengesan penjenayah-penjenayah.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sekijang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, terdapat 805 buah Kamera Litar Tertutup (CCTV) dipasang di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 69 CCTV telah dipasang di Kuala Lumpur bagi membantu pihak polis dalam menjalankan tugas pencegahan dan mengesan penjenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak pelaksanaan pemasangan CCTV ini, terdapat penurunan kadar jenayah yang ketara iaitu sebanyak 23.9% pada tahun 2005 hingga 2006. Ini menunjukkan bahawa pemantauan melalui CCTV boleh dijadikan salah satu instrumen yang efektif bagi mencegah jenayah daripada berlaku.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI

TARIKH : 13 OKTOBER 2008

SOALAN : 32

Tuan Salleh Bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah aduan yang sering kita dengar daripada golongan yang berkhidmat melebihi 25 atau 35 tahun dalam perkhidmatan awam, supaya tidak dihadkan pencen mereka kepada 50% dari gaji terakhir tetapi dinaikkan kepada contohnya 70%, untuk membolehkan warga emas menghadapi cabaran hidup semasa.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah pun bersetuju untuk menghitung pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pencen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Dasar baru ini juga meliputi semua persaraan dan kematian dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa. Dasar baru

NO. SOALAN:

ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima sehingga semaksimum 60% daripada gaji akhir.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB. DATUK MD. SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.10.2008

Datuk Md. Sirat bin Abu (Bukit Katil) meminta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah rampasan dan nilai cukai atau duti yang berjaya dikutip oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia ekoran kegiatan penyeludupan yang berjaya dipatahkan bagi tahun 2006 hingga suku kedua tahun 2008. Senaraikan jenis barang dan nilainya barang penyeludupan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2006 hingga suku kedua tahun 2008, kes-kes rampasan dan duti/cukai yang berjaya dikutip oleh Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes	Cukai Terlibat (RM juta)
2006	4,624	189.15
2007	5,118	199.19
*2008	3,005	141.87

*sehingga suku kedua tahun 2008

2. Di antara barang-barang yang berjaya dirampas serta nilai barangan rampasan adalah seperti berikut:

Barangan	Nilai Barangan (RM juta)		
	2006	2007	2008*
Rokok Kretek	13.23	7.39	7.00
Rokok Putih	21.52	22.26	20.80
Minuman Keras dan Bir	10.09	11.41	5.50
Kenderaan	12.30	12.49	6.31
Barangan Elektrik	8.84	2.06	1.56
Alatan Telekomunikasi	6.22	4.02	1.48
Mercun dan Bunga Api	6.11	7.89	4.62

*sehingga bulan Ogos 2008

3. Dari semasa ke semasa, pihak KDRM sentiasa berusaha membendung kegiatan penyeludupan dengan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di samping penggunaan ICT dan *working tools* yang canggih bagi membantu melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN
HAJI DOLLAH [IGAN]

TARIKH : 13 OKTOBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [IGAN]
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH
KEMENTERIAN AKAN MELAKSANAKAN CADANGAN
PEMBINAAN JAMBATAN IGAN, MUKAH MEMANDANGKAN
JURU PERUNDING UNTUK MEREKA BENTUK TELAH
DILANTIK OLEH KERAJAAN DAN TELAH DISENARAIKAN
DALAM RMK-8

JAWAPAN :

**TUAN YANG DIPERTUA,
UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERJA-
KERJA REKABENTUK PROJEK INI DIJADUALKAN SIAP
PADA BULAN MEI 2009 DENGAN KOS SEBANYAK RM3.9
JUTA. SILING YANG DIPERUNTUKKAN BAGI PROJEK INI
HANYA MENCUKUPI BAGI KERJA-KERJA REKABENTUK
SAHAJA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KEMENTERIAN
KERJA RAYA SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RMKE-9 TELAH MEMOHON PERUNTUKAN YANG
SECUKUPNYA SUPAYA KERJA-KERJA PEMBINAAN
DAPAT DIMULAKAN DALAM TEMPOH RMK-9.**

**WALAU BAGAIMANAPUN, CADANGAN INI TELAH TIDAK
MENJADI KEUTAMAAN DI DALAM RANCANGAN
MALAYSIA KESEMBILAN UNTUK DILAKSANAKAN.
SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KEMENTERIAN INI AKAN
MELETAKKAN CADANGAN PROJEK INI DALAM
SENARAI KEUTAMAAN UNTUK DILAKSANAKAN DI
DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH.**